

BAHAGIAN C – SOKONGAN PELAKSANAAN

Transformasi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

*"You must be the change you wish to see in the world."
– Mahatma Gandhi*

KPT perlu komited dalam usaha memacu transformasi pengajian tinggi ke arah pembangunan modal insan dengan minda kelas pertama. Justeru, peranan KPT akan berubah daripada kawal selia kepada pemudah cara. Di masa hadapan, peranan KPT sebagai pemudah cara akan diperluaskan ke arah peningkatan kualiti sistem pengajian tinggi. Dalam hal ini, KPT menjadi rakan kongsi utama IPT bukan sahaja bagi menyediakan hala tuju strategik, tetapi memberikan sokongan bagi menjamin kecemerlangan IPT.

Untuk mencapai objektif ini, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara akan mengenalpasti sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan seperti berikut:

- Tadbir urus: pengurusan yang efisien, berkesan dan berintegriti;
- Budaya: profesionalisme, kualiti kerja yang tinggi dan kerja berpasukan;
- Sumber kewangan: agihan peruntukan yang efisien untuk mencapai objektif;
- Sumber manusia: sinergi di antara yang baru dan sedia ada termasuk pengalaman pakar; dan
- Infostruktur: penyediaan maklumat dan analisis data mengikut masa yang ditetapkan.

Amalan terbaik
korporat
akan
diadaptasikan
untuk memacu
pelan
transformasi ini.

Pejabat
Pengurusan
Program akan
membimbing
proses
transformasi dan
membina
keupayaan
pengurusan
projek.

Tadbir Urus Program

Dalam melaksanakan Pelan Tindakan ini, KPT akan menyediakan mekanisme untuk memastikan terdapat keselarasan antara program dan aktiviti dengan arah tuju strategik pengajian tinggi negara. Mekanisme ini akan membantu KPT menilai pembangunan dan kandungan program berdasarkan hala tuju.

Untuk mencapai objektif ini, program struktur tadbir urus berkesan adalah seperti berikut:

- Tadbir Urus bagi sesuatu program adalah gabungan tiga faktor iaitu individu komited yang mengisi jawatan eksekutif dan pengurusan; pengawasan program dan aktiviti dalam struktur organisasi; serta dasar yang memperincikan prinsip pengurusan dan proses dalam membuat keputusan.
- Gabungan tiga faktor ini memberi tumpuan kepada pencapaian hasil yang diharapkan. Bagi maksud ini, penyediaan data dan maklum balas perlu diadakan bagi memantau pelaksanaan program secara berterusan.

Pelan ini akan mengambil kira aspek tadbir urus berikut:

- Struktur organisasi – Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Program, Pejabat Pengurusan Program (PMO), model organisasi program dan projek.
- Peranan - Penaung Program, Jawatankuasa Pemandu, Pengarah Program dan Pengurus Pasukan Projek.
- Mekanisme - Garis panduan dan hala tuju tentang tadbir urus, penurunan kuasa, semakan berkala program dan aktiviti serta membuat penyelarasan.

Kejayaan program ini akan dicapai melalui pemilihan pegawai yang sesuai, struktur organisasi dan pengurusan program yang cekap dan berkesan. Peranan dan tanggungjawab pegawai PMO akan diperincikan dengan jelas.

Struktur Program

Bagi menentukan kejayaan Pelan Tindakan ini, Pengarah Program bertanggungjawab menyelaras dan mengatur program dan aktiviti secara teliti, efisien, dan berupaya memberi penjelasan dan arahan serta membuat keputusan dengan cepat dan tepat.

Penaung Program

Penaung Program akan bertanggungjawab ke atas pencapaian dan kejayaan program dan aktiviti seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan.

Jawatankuasa Pemandu

Jawatankuasa Pemandu yang diwakili oleh pihak berpentingan akan membuat keputusan dan persetujuan ke atas mekanisme tadbir urus dan inisiatif program dan projek.

Di samping itu, Jawatankuasa Pemandu juga penting sebagai forum bagi membincangkan isu, sumber, tempoh pelaksanaan dan hala tuju Pelan Tindakan.

Jawatankuasa Pemandu akan dianggotai oleh kementerian yang berkaitan, IPT, sektor korporat dan tokoh terkemuka. Peranan Jawatankuasa ini adalah untuk memantau kemajuan program, menangani isu yang berbangkit dan membuat pelarasan, menilai impak program dan aktiviti.

Pengarah Program

Pengarah Program dan Pengurus Projek akan memastikan bahawa program dan projek adalah selaras dengan Pelan Strategik. Memandangkan program dan projek akan memberi kesan kepada Pelan Strategik, mekanisme yang disediakan perlu mempunyai hubung kait antara inisiatif dan strategi, menyediakan pertukaran maklumat yang berkesan serta membuat pelarasan.



Pejabat Pengurusan Program

Pejabat Pengurusan Program (PMO) akan diwujudkan untuk memacu perubahan secara holistik untuk menerajui pembangunan pengurusan projek. Empat unit operasi akan ditubuhkan seperti berikut:

1. Unit Penyelarasan akan menjadi pusat rujukan untuk membantu unit lain dalam melaksanakan tugas secara lebih cekap dalam menganalisis, menggubal, mengurus dan menyelaras strategi dan pelan tindakan.
2. Unit Mentor dan Latihan akan melaksanakan tugas berkaitan dengan khidmat nasihat dan rundingan kepada pihak berkepentingan. Unit ini akan membantu IPT dalam pelaksanaan strategi dan pelan tindakan berkaitan dengannya.
3. Unit Pemantauan bertanggungjawab memantau pelaksanaan dan keberkesanan program dan aktiviti berkaitan dengan Pelan Tindakan. Di samping itu, Unit ini juga akan menyediakan laporan tentang kemajuan pelaksanaan secara holistik.
4. Unit Komunikasi akan mengurus hal-hal berkaitan dengan komunikasi di antara KPT dengan pihak yang berkepentingan untuk memastikan mereka memperoleh maklumat terkini.

Pasukan Projek


Pasukan projek diketuai oleh pengurus projek. Pasukan ini akan merancang dan merangka program dan aktiviti khusus bagi menyokong pelaksanaan Pelan Tindakan ini.

Ahli pasukan terdiri daripada pegawai daripada pelbagai bidang. Pasukan ini akan dibantu oleh pakar runding berkaitan dengan pengajian tinggi untuk memastikan pelaksanaan program dan aktiviti berjalan dengan lancar dan berkesan.

PMO di IPT (iPMO)

PMO di IPT (iPMO) akan ditubuhkan untuk melaksanakan program dan aktiviti di peringkat institusi tersebut di samping memberikan sokongan bagi menjayakan perancangan dan pelaksanaan Pelan Tindakan. iPMO akan membantu Pasukan Projek dalam mendapatkan data, maklumat dan kepakaran di IPT.

Carta organisasi berikut menjelaskan peranan dan hubung kait antara Penaung, Jawatankuasa Pemandu, Panel Penasihat, PMO, Pasukan Projek, dan iPMO iaitu:



KESIMPULAN

Misi pengajian tinggi adalah untuk membangunkan modal insan dengan menggubal dasar, akta dan peraturan, serta struktur tadbir urus terbaik untuk mencapai kecemerlangan akademik. Peranan IPT adalah signifikan dalam menghasilkan generasi baharu Malaysia yang lebih cergas dan berupaya mengambil bahagian dalam proses globalisasi.

Sistem pengajian tinggi menyediakan akses yang luas kepada pelajar yang layak mengikut pengajian di universiti untuk mencapai kecemerlangan. Sementara itu, laluan alternatif disediakan kepada pelajar yang tidak dapat memasuki universiti. Mereka berpeluang mengikut pengajian di institusi latihan dan kemahiran serta menyertai program pembelajaran sepanjang hayat. Di samping itu, golongan miskin di bandar dan luar bandar, bumiputera Sabah dan Sarawak, orang Asli dan orang kurang upaya (OKU) akan diberi bantuan sewajarnya menerusi Dana Pembangunan Modal Insan Pengajian Tinggi.

Usaha menambah baik kurikulum dan pengalaman pembelajaran akan diteruskan bagi memasti kualiti pengajaran dan pembelajaran sentiasa berada di tahap yang tinggi dan relevan.

Sejajar dengan inisiatif pembangunan modal insan, Pelan Tindakan ini menyediakan keperluan untuk menangani perubahan struktur dalam sistem pengajian tinggi. Penyediaan infrastruktur masih menjadi keutamaan untuk meningkatkan kapasiti IPT dan persekitaran yang kondusif kepada ahli akademik supaya lebih komited dan bermotivasi tinggi.

Pelan Tindakan ini akan menjadi asas kepada usaha untuk mentransformasikan pengajian tinggi Malaysia untuk menghasilkan modal insan dengan minda kelas pertama dan menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa.

Daftar Singkatan

AKePT	Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi
FDI	Pelaburan Asing Langsung
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
LPU	Lembaga Pengarah Universiti
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MoA	Memorandum Perjanjian
MOHR	Kementerian Sumber Manusia
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
MoU	Memorandum Persefahaman
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MQF	Kerangka Kelayakan Malaysia
NCLL	Jawatankuasa Kebangsaan Pembelajaran Sepanjang Hayat



NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
NIS	Sistem Inovasi Kebangsaan
OECD	Organisasi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan
OKU	Orang Kurang Upaya
PMO	Pejabat Pengurusan Program
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
R&D	Penyelidikan dan Pembangunan
RMKe-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
RMKe-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
RSE	Penyelidik, Saintis dan Jurutera
SCLL	Jawatankuasa Negeri Pembelajaran Sepanjang Hayat
UNCTAD	Persidangan Mengenai Perdagangan dan Pembangunan
UNESCO	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Tentang Pendidikan, Saintifik dan Budaya
AUKU	Akta Universiti dan Kolej Universiti